

# Buletin RIMC

DISEMBER 2015

www.rimc.uum.edu.my

BIL 2/EDISI 2

## MENARIK DI DALAM

1. Bengkel Strategi Meningkatkan Sitasi
2. Program Walkabout TNC (P&I) ke RIMC
3. Bengkel Penjanaan PRGS Fasa 2/2015
4. Mengenal 5S
5. Galeri Aktiviti 5S
6. Makmal Penyelidikan, Penerbitan, Perundingan dan HICoE / CoE Universiti Utara Malaysia
7. Malaysia Research Assessment (MyRA)
8. Aktiviti RIMC bagi bulan Mei — Ogos 2015
9. UUM Raih Pingat Pada Persidangan Antarabangsa Dan Pameran Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi (Pecipta) 2015
10. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2015
11. Penyertaan UUM ke Pameran BioMalaysia & Asean BioEconomy Conference & Exhibition 2015

## Bengkel Strategi Meningkatkan Sitasi



*Bengkel ini disampaikan dikendalikan oleh Dr Mohamed Nor Azhari Azman, pensyarah Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)*

**5 Ogos 2015** - Seramai 36 orang pensyarah yang mewakili setiap pusat pengajian di UUM telah menghadiri Bengkel Strategi Meningkatkan Sitasi yang diadakan di Dewan Angsana, EDC, UUM. Bengkel ini diadakan untuk meningkatkan sitasi penerbitan di kalangan pensyarah terbabit serta dalam masa yang sama dapat membina rangkaian baru sesama penyelidik dalam bidang masing-masing sebagai satu platform perkongsian ilmu dan pengetahuan.

Ini bertujuan agar hasil penyelidikan pensyarah UUM bukan sahaja untuk memenuhi KPI pensyarah semata-mata, malah dapat dimartabatkan di ke peringkat yang lebih tinggi dan menjadi rujukan antarabangsa.

Bengkel ini dikendalikan oleh Dr Mohamed Nor Azhari Azman, pensyarah Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) bagi memperincikan keperluan sitasi serta bagaimana sitasi yang baik mampu menyumbang

sambungan dari muka 1

kepada KPI pensyarah dan juga universiti. Beliau turut berkongsi idea melalui pendedahan secara hand-on kepada para peserta dengan membangunkan akaun profil Google Scholar, ResearchGate, Academia.edu dan sebagainya. RIMC juga berharap agar mengharapkan penganjuran bengkel seperti ini dapat membantu peserta memahami mengenai strategi dan kaedah pelaksanaan

bagi meningkatkan sitasi artikel jurnal.



*Peserta-peserta Bengkel Strategi Meningkatkan Sitasi*

2

#### **Penasihat**

Prof. Dr. Noor Azizi Ismail

#### **Pengarah Urusan**

Prof. Dr. Kalsom Kayat

#### **Editor Utama**

Sr. Dr. Mohd. Nasrun Mohd. Nawi

#### **Editor/Rekabentuk**

Aniza Sabjan

Aini Bahrn

#### **Penyumbang Berita**

Nordiana Shafiee (UKK)

Aini Bahrum

Noorhani Ismail

Aniza Sabjan

#### **Reka Bentuk Teks dan Grafik**

Hisaruddin Ahmat

#### **Fotografi**

Shamsaimi Ezil

Aniza Sabjan

Munirah Mat Din

#### **Penyelaras Buletin RIMC**

Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC)

Universiti Utara Malaysia

06010 UUM, Sintok

Kedah Darul Aman

Tel: 04-928 4771

Fax: 04-928 4756

Laman web : [www.rimc.uum.edu.my](http://www.rimc.uum.edu.my)

Emel : [rimc@uum.edu.my](mailto:rimc@uum.edu.my)

## Program Walkabout TNC (P&I) Ke RIMC

**23 Ogos 2015** – Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Universiti Utara Malaysia, Prof. Dr. Noor Azizi Ismail telah menyempurnakan program Walkabout ke-4 ke RIMC.

“Saya akan bertindak sebagai pemudah cara dalam mentransformasi penyelidikan UUM ke arah yang lebih berkualiti.”

“Semua penyelidik UUM perlulah bertanggungjawab dalam setiap projek penyelidikan yang dikendalikan oleh mereka dan ia perlulah mempunyai impak tinggi kepada masyarakat dan industri”.



TNC (P&I) Bersama Kakitangan RIMC

bersambung di muka 4

## Bengkel Perjanaan PRGS Fasa 2/2015



Pengarah RIMC memberi taklimat kepada peserta program

**Ogos 2015** – RIMC telah mengadakan Bengkel Perjanaan Skim Geran Penyelidikan Pembangunan Prototaip atau Prototype Development Research Grant Scheme (PRGS) fasa 2 bertempat di Dewan Bunga Raya, Hotel Bustani, Jitra pada 24 dan 25 Ogos yang lalu. Seramai 30 peserta daripada beberapa pusat pengajian tinggi tempatan, pusat kecemerlangan dan graduate schools telah hadir ke bengkel ini. Majlis pelancaran bengkel tersebut telah disempurnakan oleh Pengarah RIMC iaitu Prof. Dr. Kalsom binti Kayat, melalui ucapan alu-aluannya dan dorongan betapa pentingnya untuk peserta memahami

mengenai Geran PRGS, hasil penyelidikan dan maklumat mengenai keperluan memenuhi kriteria berkenaan harta intelek atau Intellectual Property.

Seterusnya, pada hari ke-2 bengkel diadakan, sesi diselanjutnya dikendalikan oleh En. Shanizan Herman bin Mohd Radzi bagi menjelaskan aspek-aspek penting serta kaedah penilaian geran PRGS. Sehubungan dengan itu, bagi memudahkan peserta memahami tatacara permohonan dan proses berkenaan PRGS atau MyGrants, RIMC telah menjemput En. Nasiruddin Haron yang merupakan Pegawai Penyelidik Sosial di jabatan ini untuk memperincikan dengan lebih lanjut tentang perkara berkenaan.

Peluang untuk mengaplikasikan ilmu dari bengkel ini tidak dilepaskan dalam sesi akhir dengan para peserta juga dijemput untuk bersama-sama berkongsi idea mereka untuk menulis serta menghasilkan kertas cadangan PRGS yang berkualiti serta memenuhi keperluan penyelidikan yang telah ditetapkan. Hadir sama ialah Prof. Dr. Haslina Mohd., Timbalan Pengarah Penyelidikan, Maklumat lanjut mengenai Geran PRGS boleh diperolehi melalui <http://www.mastic.gov.my/web/guest/prgs> dan [http://jpt.mohe.gov.my/PENYELIDIK/prgs/1.%20Garis\\_Panduan\\_PRGS.pdf](http://jpt.mohe.gov.my/PENYELIDIK/prgs/1.%20Garis_Panduan_PRGS.pdf). ■

sambungan dari muka 3

Beliau berkata demikian semasa program Walkabout TNC (P&I) ke RIMC. Pertemuan selama tiga jam

*“Semua penyelidik UUM perlulah bertanggungjawab dalam setiap projek penyelidikan yang dikendalikan oleh mereka dan ia perlulah mempunyai impak tinggi kepada masyarakat dan industri”*

dengan Pengarah, Timbalan Pengarah dan pegawai di RIMC itu memberi satu nafas baru kepada RIMC yang berperanan memberi perkhidmatan bagi memfasilitasi kecemerlangan kesarjanaan di kalangan staf akademik UUM melalui penyelidikan, penerbitan dan inovasi.

Terlebih dahulu, beliau telah diberikan taklimat oleh Prof. Dr. Kalsom Kayat, Pengarah RIMC tentang tanggungjawab dan cabaran yang dihadapi oleh RIMC.

Ia adalah walkabout yang ke-4 ke PTJ yang di bawah tanggungjawab TNC (P&I) sejak beliau menyandang jawatan tersebut pada 1 Ogos lalu.



TNC P&I menandatangani buku pelawat

## 4

## Mengenali 5S

**Amalan 5S** ialah kaedah atau alat pengurusan di tempat kerja bagi mewujudkan persekitaran kerja yang berkualiti, selesa, kemas dan selamat di dalam organisasi dan menentukan kepatuhan kepada piawaian serta dapat memupuk usaha penambahbaikan yang berterusan. Seiri, Seiton, Seiso, Seiketsu dan Shitsuke adalah perkataan Jepun yang diringkaskan menjadi 5S atau dalam Bahasa Melayu memberi maksud Sisih, Susun, Sapu, Seragam dan Sentiasa Amal.

Amalan 5S adalah asas peningkatan kualiti dan produktiviti yang berkesan kerana:

1. Mewujudkan persekitaran tempat kerja yang berkualiti dan produktif;
2. Hasil kebersihan, kekemasan dan keselamatan yang nyata;
3. Lebih banyak idea kreatif dan inovatif diketengahkan oleh pekerja untuk penyelesaian masalah dan penambahbaikan;

4. Semua pekerja akan lebih berdisiplin dan beretika untuk menghasilkan prestasi kerja yang lebih baik;
5. Operasi di tempat kerja lebih senang, pantas dan selamat;
6. Membina budaya kerja dan nilai bersama yang cemerlang; dan
7. Menjadi kebanggaan semua pekerja dan meningkatkan imej organisasi.

Selaras dengan itu, UUM juga turut mempraktikkan 5S dalam amalan kerja seharian dan menuntut setiap jabatan mahupun pusat pengajian di bawah kelolaannya mengamalkan dan menerapkan 5S dalam budaya kerja.

Penilaian Amalan Persekitaran Berkualiti 5S pada tahun ini telah berlangsung pada 17 – 31 Mei 2015. Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC) tidak terkecuali sebagai salah satu PTJ yang akan dinilai oleh jawatankuasa penilaian 5S yang dipertanggungjawabkan.

## Aktiviti Gotong Royong 5S

Setiap staf RIMC telah diberi tanggungjawab mengikut zon masing-masing. Zon yang telah dikenalpasti adalah Bilik Pengarah, Pejabat Am, Bilik Mesyuarat, laluan atas dan bawah serta Sudut 5S, pantri dan surau, setor, bilik fail, tandas,

kaunter dan ruang menunggu dan bilik cetak. Ini bertujuan bagi memastikan setiap zon tersebut berada pada tahap serta amalan 5S yang telah digariskan dalam kriteria pemarkahan penilaian 5S.

Aktiviti gotong-royong telah dijalankan setiap hari Khamis pada bulan terakhir sebelum Penilaian Amalan Persekitaran Berkualiti 5S berlangsung.

## Ganjaran

Pada tahun ini, Jawatankuasa 5S telah membuat keputusan untuk memberikan ganjaran kepada zon tanggungjawab serta ruang kerja individu yang mengamalkan 5S di zon serta ruang kerja masing-masing. 'Mystery



Evaluator' akan dilantik untuk mengenalpasti zon serta ruang kerja warga RIMC yang mengamalkan Amalan 5S. Pemenang akan menerima ganjaran yang menarik

Setelah aktiviti penilaian dijalankan, zon Pantri & Surau dan Encik Bistomi Ismail dikenalpasti sebagai penerima ganjaran istimewa tersebut ■

## Galeri Aktiviti 5S



## Makmal Penyelidikan, Penerbitan, Perundingan dan HICoE / CoE Universiti Utara Malaysia

**20—21 Mei 2015** - Makmal Penyelidikan, Penerbitan, Perundingan dan HICoE (Higher Institutions' Centre of Excellence)/CoE (Centre of Excellence) UUM telah diadakan selama dua hari pada 20 dan 21 Mei 2015 di Dewan Sri Angsana, Hotel EDC, UUM. Makmal ini adalah bertujuan untuk memperincikan semula Niche Area UUM seterusnya menubuhkan CoE peringkat Univesiti dan Pusat Pengajian yang berpotensi untuk diangkat sebagai HICoE di peringkat kementerian.

Selaras dengan aspirasi yang ditetapkan dalam teras ketiga PSPTN iaitu Memperteguh Penyelidikan dan Inovasi, pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah mensasarkan untuk mewujudkan 20 Centre of Excellence (CoE) yang bertaraf antarabangsa menjelang tahun 2020.

Sebagai langkah strategik ke arah itu, KPT telah memberi penarafan Pusat kecemerlangan Pengajian Tinggi (Higher Institution Centre of Excellence (HICoE) kepada CoE-CoE IPT yang cemerlang dan menjadi peneraju NIC masing-masing di peringkat kebangsaan. Penarafan ini diberikan dengan harapan agar HICoE yang telah dinobatkan ini dapat dipupuk untuk dilonjakkan ke peringkat yang lebih tinggi sehingga mencapai taraf antarabangsa.

Bagi menyokong langkah strategik KPT tersebut, UUM telah mengambil inisiatif untuk membentuk satu makmal yang menggabungkan pakar-pakar dari pelbagai bidang di UUM yang dinamakan sebagai Makmal Penyelidikan, Penerbitan, Perundingan dan HICoE/CoE Universiti Utara Malaysia. ■

### Malaysia Research Assessment (MyRA<sup>®</sup>)

- Dibangunkan untuk membolehkan IPT membuat penilaian mengenai pencapaian R&D&C masing-masing.
- Instrumen ini mula digunakan oleh KPT (KPM) pada Ogos 2009.
- e-MyRA<sup>®</sup> ialah sistem atas talian yang telah ditambahbaik dari penggunaan Microsoft Excel untuk menilai Universiti Penyelidikan.
- Mulai tahun 2013, pengisian data MyRA<sup>®</sup> dilaksanakan secara sepenuhnya atas talian eMyRA. <http://e-myra.mohe.gov.my>.
- Terdapat 8 komponen dan wajaran penilaian instrumen MyRA seperti di bawah : ■

No	Sections	Benchmark Scores
1	SECTION B: Quantity and Quality of Researchers	25
2	SECTION C: Quantity and Quality of Research	30
3	SECTION D: Quantity of Postgraduates	10
4	SECTION E: Quality of Postgraduates	5
5	SECTION F: Innovation	10
6	SECTION G: Professional Services and Gifts	7
7	SECTION H: Networking and Linkages	8
8	SECTION I : Support Facilities	5
<b>TOTAL MARKS (B, C, D &amp; E must be &gt; 50)</b>		<b>70</b>
<b>OVERALL SCORE (Entry level &gt; 75 for MRU)</b>		<b>100</b>

## Aktiviti RIMC bagi bulan Mei — Ogos 2015

Bil	Aktiviti	Tarikh	Tempat	Catatan
1	Bengkel Pemantapan Sistem Penerbitan - Siri 3	07 Mei 2015	Bilik Mesyuarat RIMC	Memantapkan modul pengesahan sistem penerbitan
2	Perbincangan Berkaitan Pengurusan Memorandum of Agreement (MoA) Penyelidikan	14 Mei 2015	Bilik Mesyuarat RIMC	Perbincangan ini dijalankan bersama Unit Undang-Undang dan Centre for International Affairs & Cooperation (CIAC)  Tujuan membincangkan berkaitan MoA penyelidikan bagi kerjasama penyelidikan di antara UUM dengan institusi luar di peringkat kebangsaan dan antarabangsa
3	Makmal Penyelidikan, Penerbitan dan HICoE/CoE Universiti Utara Malaysia	20 & 21 Mei 2015	Dewan Sri Angsana, EDC-UUM	Membincangkan strategi ke arah penubuhan HICoE/CoE dan strategi transformasi penyelidikan dan penerbitan UUM.
4	Bengkel Perolehan Manuskrip Bidang Pelancongan, Kulinari & Perhotelan-Dewan Bahasa dan Pustaka	01 Jun 2015	Bilik Seminar, COLGIS	1. Mewujudkan jaringan dan kerjasama dengan penerbit luar. 2. Membina manuskrip dalam bidang Pelancongan, Kulinari & Perhotelan
5	Bengkel Pemantapan Sistem Penerbitan - Siri 4	15 Jun 2015	Bilik Mesyuarat RIMC	Memperkemas sistem penerbitan.
6	Program Tadarus Al Quran	21 Jun – 16 Julai 2015	Surau RIMC	1. Mengeratkan silaturrahim di kalangan ahli kelab 2. Mengukuhkan kefahaman dan kemahiran di dalam pembacaan Al Quran sempena menyambut Ramadhan Al Mubarak.
7	Taklimat Sasaran Kerja Tahunan (SKT) 2015 : Cara Betul, Maklumat Tepat	24 Jun 2015	Dewan Seminar C, Kompleks Konveksyen, UUM	Memberi pendedahan kepada staf tentang cara pengisian Sasaran Kerja Tahunan 2015 yang betul
8	Sesi Taklimat Dan Semakan Data R&D&C MYMOHES Dan Isu Penghantaran Data Baru R&D&C	8 Julai 2015	Bilik Mesyuarat BPK IPQ	Satu sesi pengumpulan data bagi format-format yang terpilih untuk menguji data-data yang dihantar melalui MyMoheS memenuhi keperluan eMyRA
9	Sesi Latihan Dan Serahan Penggunaan Dashboard UUM Kepada Pegawai RIMC Terlibat	08 Julai 2015	Bilik Mesyuarat BPK IPQ	Satu sesi latihan dan serahan penggunaan dashboard UUM yang diberi oleh UUMIT kepada pegawai terlibat di RIMC



Bil	Aktiviti	Tarikh	Tempat	Catatan
10	Bengkel Pemurnian Penulisan Artikel	03 Ogos 2015	BMU, STML	<p>1. Menyemak dan membuat pemurnian terhadap penulisan artikel</p> <p>2. Memperakukan isi kandungan artikel untuk urusan percetakan</p>
11	Bengkel Strategi Meningkatkan Sitasi	05 Ogos 2015	EDC, UUM	<p>1. Menjelaskan strategi, pendekatan atau kaedah pelaksanaan bagi meningkatkan sitasi artikel jurnal</p> <p>2. Memberi pendedahan secara hands-on kepada staf akademik dalam membangunkan akaun profil dalam Goole Scholar, ResearchGate, Academia.edu dan lain-lain media social</p>
12	Jamuan Hari Raya Peringkat RIMC serta Majlis Serahan Tugas	13 Ogos 2015	Bilik Mesyuarat RIMC	<p>1. Program diadakan bertujuan untuk mengeratkan silaturrahim di kalangan staf di dalam suasana Hari Raya yang mewujudkan rasa maaf bermaafan agar ianya dapat dikekalkan hubungan setia kawan ini di dalam tugas seharian.</p> <p>2. Turut diadakan Majlis serah tugas dan penyampaian hadiah kepada 2 orang ahli kelab yang akan bertukar Jabatan serta hadiah pemenang pertandingan 5S peringkat RIMC.</p>
13	Pembentangan Pencapaian 6 Bulan Pertama Pelan Strategik UUM 2015 – Sekretariat teras 1	13 Ogos 2015	Bilik Mesyuarat Senat	Selaku Sekretariat Teras 1, Unit Tugas-Tugas Khas bertanggungjawab membentangkan pencapaian Teras 1 - Membangunkan Kecemerlangan Aktiviti Kesarjanaan kepada Naib Canselor, pegawai-pegawai pengurusan tertinggi universiti termasuk wakil-wakil Jabatan dan Pusat Pengajian.
14	Taklimat Peluang Penerbitan Hasil Geran Penyelidikan dalam Jurnal Berindeks Scopus & WoS™ Core Collection	20 Ogos 2015	Auditorium I, PSB-UUM	<p>1. Memberi ruang kepada penyelidik untuk menerbitkan artikel dalam jurnal berindeks Scopus dan WoS Core Collection</p> <p>2. Menerangkan kepada penyelidik mengenai format penulisan artikel ISSC 2016.</p>
15	Walkabout TNC (P&I) ke RIMC	23 Ogos 2015	Bilik Mesyuarat, RIMC	Untuk mendapat gambaran tentang fungsi RIMC di UUM kerana beliau baru dilantik memegang jawatan TNC (P&I)
16	Bengkel Penjanaan PRGS Fasa 2/2015	24 & 25 Ogos 2015	Dewan Bunga Raya, Hotel Bustani, Jitra	Memberi pendedahan kepada peserta tentang peluang membangunkan prototype dari penyelidikan sedia ada melalui geran pembangunan prototype PRGS, KPM.

## UUM Raih Pingat Pada Persidangan Antarabangsa Dan Pameran Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi (Pecipta) 2015

**PECIPTA 2015** yang diadakan dua tahun sekali itu menyaksikan 495 produk inovasi membabitkan sembilan (9) kluster utama daripada 58 IPT awam dan swasta yang mengambil bahagian.

Universiti Utara Malaysia (UUM) meraih dua pingat emas, empat perak dan empat gangsa pada Persidangan Antarabangsa dan Pameran Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi (PECIPTA) 2015 yang berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

Sebanyak 10 daripada 15 produk penyelidikan UUM yang mengambil bahagian berjaya merangkul pelbagai pingat iaitu dua (2) emas bagi produk Bacadisleksia: Aplikasi Sokongan Untuk Bahasa Melayu dan Hisbah Refleksi Al-Nafs; empat (4) perak bagi produk 'Assistive Courseware For Hearing Impaired', 'Assistive Courseware For Young Low Vision Learners (AC4LV)', 'I Am Elde 2.0 - Interactive Affective Mediation For English Literacy Development (Ver 2.0)' dan 'Taskmanager: Improving Task Management Skills Using Board Game' dan empat (4) gangsa bagi produk 'Educating Parents in Dealing With Childhood Obesity Through The Use Of The MBI Monitor App', 'YouthPDA: An Innovative Approach To Future Study and Career', 'Malaysian Multiple Intelligence Finder' dan 'Bestari Education Award System: Selecting The Right Person For Scholarship'.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Noor Azizi Ismail berkata, universiti bangga dengan kejayaan yang diraih penyelidik UUM kerana berjaya merangkul pingat emas, perak dan gangsa menerusi hasil inovasi mereka di PECIPTA 2015.

Menurutnya, kejayaan tersebut sekali gus telah membuktikan UUM sebagai universiti pengurusan yang mempertandingkan 15 produk penyelidikan sentiasa menyokong usaha-usaha ke arah memasyarakatkan penyelidikan.

"Selain itu, walaupun tidak semua produk penyelidikan UUM menerima pingat di PECIPTA, namun ada antaranya berjaya menarik perhatian industri untuk bekerjasama dengan penyelidik seperti produk 'Profiling The Malaysia Consumers' Consumption Behavior Towards Dietary Supplements Product' yang diketuai Prof. Madya Dr. Nor Azila Mohd Noor bersama empat ahli penyelidik lain.

"Ini menunjukkan UUM sentiasa mendokong



*Peserta-peserta Pecipta 2015 yang berjaya*

aspirasi kerajaan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) yang berhasrat menjadikan inovasi sebagai peneraju utama pertumbuhan ekonomi negara menerusi peningkatan kerjasama dengan industri dan komuniti, malah akademia di negara ini juga perlu berubah daripada bekerja secara sendiri kepada lingkaran empat pihak (quadruple helix) yang lebih akrab," katanya.

Sementara itu, Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC), Prof. Dr. Kalsom Kayat berkata, sebanyak 15 produk penyelidikan UUM telah mengambil bahagian dalam PECIPTA anjuran Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang

diadakan selama tiga hari bermula 4 Disember lalu.

"Pada tahun ini, penyertaan dibahagikan kepada kepada sembilan (9) kluster iaitu Education and Human Development; Agriculture, Aquaculture and Environment; Information Communication Technology and Multimedia; Health, Wellness and Wellbeing; Art, Design and Creativity; Entrepreneurship, Industrial and Management; Biotechnology, Life Science and Pure Science; Manufacturing Technologies dan Disaster Management.



Peserta-peserta Pecipta 2015

"15 produk UUM terlibat dengan lima (5) kluster iaitu kluster Education and Human Development; Information Communication Technology and Multimedia; Health, Wellness and Wellbeing; Agriculture, Aquaculture and Environment dan Disaster Management," katanya.

Tambah Prof. Dr. Kalsom, PECIPTA 2015 menjadi platform kepada penyelidik untuk meningkatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) masing-masing dan secara tidak langsung menggalakkan jaringan dan kerjasama strategik antara IPT dengan pihak industri.

Ujarnya lagi, PECIPTA merupakan 'signature event' untuk mengetengahkan produk inovasi hasil penyelidikan yang dibiayai melalui geran kelolaan KPT.

"Saya berharap pada PECIPTA 2017, semua penyelidik UUM yang sedang menjalankan penyelidikan menggunakan geran KPT supaya bersedia menghasilkan 'output' inovasi yang boleh dipertandingkan nanti," katanya.

*"15 produk UUM terlibat dengan lima (5) kluster iaitu kluster Education and Human Development; Information Communication Technology and Multimedia; Health, Wellness and Wellbeing; Agriculture, Aquaculture and Environment dan Disaster Management"*

Pemenang pingat emas PECIPTA, Prof. Dr. Zulikha Jamaludin dari Pusat Pengajian Pengkomputeran (SoC) melahirkan rasa gembira kerana produk 'Bacadisleksia: Aplikasi Sokongan Untuk Bahasa Melayu' yang menelan kos RM40,000 itu berjaya merangkul pingat emas.

Katanya, beliau bersama dua lagi penyelidik iaitu Dr. Husniza Husni dan Dr. Mustafa Muwafak Alobaedy telah menjalankan kajian sejak 2009 lagi sebelum menghasilkan produk terbabit kira-kira lapan bulan lalu.

Menurutnya, produk tersebut kini sudah diguna pakai oleh pelajar-pelajar yang menghadapi masalah pembelajaran atau masalah membaca di negeri ini dan juga Kelantan.

"Pada masa hadapan, saya dan ahli pasukan akan berusaha untuk mencari kaedah baru bagi membantu golongan yang memerlukan dan menghadapi masalah pembelajaran," ujarnya. ■

## Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2015

**5 Ogos 2015** – Terdapat 4 orang staf RIMC telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2015 pada 5 Ogos 2015. Antara staf RIMC yang menerima anugerah tersebut ialah Encik Nasiruddin bin Haron, Puan Aniza binti Sabjan, Puan Aini binti Baharom dan Encik Bistomi bin Ismail. Oleh itu, seluruh warga staf RIMC mengucapkan tianah kepada mereka yang menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2015.



Encik Nasiruddin bin Haron  
Pegawai Penyelidik Sosial  
(Unit Penyelidikan)



Puan Aniza binti Sabjan  
Pegawai Penyelidik Sosial  
(Unit Penyelidikan)



Puan Aini binti Baharom  
Pegawai Penyelidik Sosial  
(Unit Tugas-Tugas Khas)



Encik Bistomi bin Ismail  
Pembantu Operasi  
(Unit Pentadbiran dan Kewangan )

## Penyertaan UUM ke Pameran BioMalaysia & Asean BioEconomy Conference & Exhibition 2015

**Pada 17-19 Ogos 2015**, Universiti Utara Malaysia (UUM) telah menyertai Pameran Biomalaysia and Asean Bioeconomy Conference and Exhibition 2015 (BioMalaysia 2015) yang telah dianjurkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Malaysian Biotechnology Corporation (BiotechCorp) bertempat di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur.

UUM telah menghantar lima (5) orang delegasi yang diketuai oleh Prof. Dr. Kalsom Kayat, Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC), UUM ke pameran tersebut. ■

